KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	20/10/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	TNB			

TNB, LADA bekerjasama kurangkan pelepasan karbon

BH 20 Okt 2021_38

Tenaga Nasional Bhd (TNB) akan menjalin kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) bagi mengurangkan pelepasan karbon menerusi pemasangan panel solar fotovoltaik (PV) di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung, Langkawi.

TNB, menerusi anak syarikat penyelesaian tenaga hijaunya, GSPARX Sdn Bhd (GSPARX) bakal memasang sistem PV 363kWp dan bergantung kepada perjanjian, potensi penjimatan bil elektrik LPSB selepas pemasangan dijangka antara RM87,000 hingga RM244,000 bagi tahun pertama dan sehingga RM5 juta hingga RM7.4 juta bagi tempoh 25 tahun.

Langkawi Port Sdn Bhd (LPSB), sebuah anak syarikat LADA adalah pengendali Kompleks Dermaga Tanjung Lembung.

Menerusi kerjasama strategik dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), LADA menyatakan hasrat itu melalui penyerahan surat niat dalam satu majlis yang diadakan di kompleks itu pada 17 Oktober lalu.

Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan, berkata firma utiliti itu sedia menyumbang kepakaran dalam bidang tenaga solar menerusi GSPARX bagi membantu LADA mencapai objektif mengurangkan pelepasan karbon dan menjana tenaga hijau.

"Bagi mencapai aspirasi kami untuk menjadi pembekal terunggul untuk solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa, TNB sudah dan akan terus membangunkan keupayaan yang terbukti dalam bidang panel solar PV," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, LADA dan LPSB akan menjana tenaga hijau yang bukan saja menyokong usaha kerajaan bagi mengurangkan pelepasan gas rumah kaca, malah mampu jimatkan bil elektrik.

Megat Jalaluddin berkata, TNB sebagai syarikat utiliti elektrik negara turut menyokong usaha kerajaan dengan meletakkan aspirasi untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050, dipacu menerusi komitmen mengurangkan intensiti pelepasan 35 peratus serta pengurangan 50 peratus kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035.

Hala tuju kelestarian TNB mendukung pelan kerajaan untuk meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu (RE) dalam gabungan kapasiti penjanaan negara ke arah mencapai sasaran kapasiti terpasang RE 31 peratus pada 2025.